

SPR akan pamer bahagian pilihan raya esok

UM 7 AUG 2002
KUALA LUMPUR 6 Ogos — Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mempamerkan bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang telah dikaji semula masing-masing mengalami peningkatan 14 dan 20 peratus kepada orang ramai selama sebulan mulai Khamis ini.

Cadangan bahagian-bahagian pilihan raya yang baru akan terbuka kepada perhatian orang ramai selepas ia dimaklumkan kepada Perdana Menteri dan Speaker Parlimen, kata Pengerusi SPR, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman hari ini.

"Semalam saya telah memaklumkan mengenai cadangan bahagian baru ini kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad) dan hari ini kepada Speaker Dewan Rakyat.

"Langkah ini selari dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan sebelum cadangan SPR dipamerkan kepada umum," kata beliau kepada *Utusan Malaysia* selepas menemui Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail di sini, pagi ini.

"Butiran lanjut termasuk bilangan bahagian pilihan raya akan diumumkan pada Khamis ini," katanya.

Urusan memaklumkan kepada Perdana Menteri dan Speaker Dewan Rakyat merupakan salah satu proses yang perlu dilalui oleh SPR dalam urusan kajian semula sempadan bahagian pilihan raya.

Bahagian Dua, Jadual Ke-13 Perlembagaan Persekutuan menyebut: "Jika ketetapan telah diambil bagi sementara oleh SPR untuk membuat syor-syor mengikut Fasal (2) Perkara 113 mengenai sesuatu bahagian pilihan raya, suruhanjaya itu hendaklah menyiarkan dalam Warta dan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar yang beredar dalam bahagian pilihan raya itu suatu notis menyatakan..."

Notis itu hendaklah menyatakan akibat syor yang dicadangkan oleh suruhanjaya berkenaan (kecuali jika ia bercadang mengesyorkan tiada apa-apa perubahan akan dibuat) bahawa suatu salinan syor itu adalah terbuka untuk diperiksa di sesuatu tempat yang ditentukan dalam bahagian pilihan raya.

Selain itu, notis berkenaan juga menyatakan bahawa rayuan berkenaan dengan syor-syor yang dicadangkan itu boleh dibuat kepada SPR dalam masa sebulan selepas notis tersebut disiarkan.

Pada satu temu bual dengan *Mingguan Malaysia* bulan lalu, Abdul Rashid berkata, pihaknya telah menyiapkan kajian persempadanan semula membabitkan pertambahan 14 peratus kerusi peringkat Parlimen dan 20 peratus kerusi Dewan Undangan Negeri.

Jika syor itu diluluskan, difahamkan, jumlah wakil rakyat akan bertambah seramai 126 orang lagi.

Di bawah persemnadan bahagian pilihan raya yang sedang berjalan sekarang, juga difahamkan proses itu akan mewujudkan 25 buah kawasan Parlimen dan 101 kawasan Dewan Undangan Negeri yang baru.

Ia merupakan tambahan kepada 194 kerusi Parlimen dan 504 buah kawasan Dewan Undangan Negeri yang sedia ada sekarang.

Ketika mengulas lanjut, Abdul Rashid memberitahu, bahagian-bahagian yang dikemukakan ini masih di peringkat cadangan dan perlu melalui proses pameran dan siasatan awam sebelum drafnya dibawa ke Parlimen.

"Orang ramai boleh melihat dan mengemukakan bantahan jika ada dalam sebulan," katanya.